

BAYARAN PERKHIDMATAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK KE ASRAMA SEKOLAH

JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU (JHEAT)

OBJEKTIF PENGAUDITAN

Untuk menentukan sama ada bayaran perkhidmatan membekal makanan bermasak ke asrama sekolah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan kontrak perjanjian dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

Jumlah Semakan



RM1.30 juta



APA SEPATUTNYA

Pelanjutan tempoh kontrak diluluskan oleh Lembaga Perolehan Negeri

APA YANG BERLAKU

RM215,608

Bayaran kepada pembekal sebelum pelanjutan kontrak diluluskan

KESAN



PEMBAYARAN TIDAK TERATUR

RM215,608

RUMUSAN AUDIT

Bayaran perkhidmatan membekal makanan bermasak ke asrama sekolah tidak dilaksanakan dengan teratur.

SYOR AUDIT

1

JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU

2. BAYARAN PERKHIDMATAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK KE ASRAMA SEKOLAH

FAKTA UTAMA

Nilai Kontrak	RM10.84 JUTA
Perbelanjaan Bagi Tahun 2021	RM1.42 JUTA
Bilangan Sekolah/Madrasah/Maahad	5

1. LATAR BELAKANG

1.1. Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) memiliki lima sekolah/madrasah/maahad (sekolah) berasrama iaitu tiga Madrasah Moden, Maahad Tahfiz Al-Quran Terengganu (MTQT) dan Sekolah Menengah Islam Darul Iman. Pelaksanaan perkhidmatan membekal makanan bermasak ke asrama bagi lima sekolah berkenaan terletak di bawah seliaan Bahagian Pendidikan JHEAT.

1.2. Perolehan perkhidmatan membekal makanan bermasak ke asrama sekolah telah dilaksanakan secara tender melalui lima kontrak bernilai RM10.84 juta. Pada tahun 2021, perbelanjaan bagi keseluruhan kontrak perkhidmatan membekal makanan bermasak adalah berjumlah RM1.42 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KONTRAK PERKHIDMATAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK KE ASRAMA SEKOLAH

BIL.	SEKOLAH/MADRASAH MODEN/MAAHAD TAHFIZ	TEMPOH KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM Juta)	PERBELANJAAN TAHUN 2021 (RM Juta)
1.	Madrasah Moden Terengganu Besut	01.01.2020 - 31.12.2021	3.95	0.45
2.	Madrasah Moden Terengganu Hulu Terengganu	01.01.2020 - 31.12.2021	1.11	0.17
3.	Madrasah Moden Terengganu Kuala Nerus	23.06.2020 - 22.06.2022	1.58	0.21
4.	Maahad Tahfiz Al-Quran Terengganu	23.06.2020 - 22.06.2022	2.10	0.46
5.	Sekolah Menengah Islam Darul Iman	01.04.2021 - 31.03.2023	2.10	0.13
JUMLAH			10.84	1.42

Sumber: JHEAT

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada bayaran perkhidmatan membekal makanan bermasak ke asrama sekolah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan kontrak perjanjian dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dilaksanakan di JHEAT, MTQT, Madrasah Moden Terengganu Hulu Terengganu (MMTHT) dan Madrasah Moden Terengganu Besut (MMTB) terhadap pematuhan bayaran perkhidmatan membekal makanan bermasak ke asrama sekolah bagi tempoh Januari 2021 hingga April 2022.

3.2. Sampel Audit merangkumi tiga kontrak perkhidmatan membekal makanan bermasak ke asrama sekolah iaitu MTQT, MMTHT dan MMTB bernilai RM7.16 juta berbanding keseluruhan lima kontrak bernilai RM10.84 juta. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 28 sampel arahan pembayaran berjumlah RM1.30 juta (79.3%) daripada keseluruhan 44 arahan pembayaran berjumlah RM1.64 juta pada tahun 2021 dan 2022.

3.3. Kaedah pengauditan meliputi semakan terhadap rekod dan dokumen berkaitan dengan bayaran perkhidmatan membekal makanan bermasak ke asrama sekolah. Selain itu, pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pegawai terlibat turut dijalankan.

4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan telah dilaksanakan antara bulan Februari hingga Julai 2022. Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 16 Ogos 2022 dan maklum balas daripada JHEAT telah diterima pada 26 September 2022. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

4.1. Pembayaran Berjumlah RM215,608 Dibuat Sebelum Pelanjutan Kontrak Diluluskan

4.1.1. Mengikut Arahan Perbendaharaan (AP) 201.1(c), perubahan kontrak dan pelanjutan tempoh kontrak bekalan dan perkhidmatan atau perubahan lain bagi perolehan negeri perlu dirujuk dan diluluskan oleh Lembaga Perolehan Negeri.

4.1.2. Perolehan perkhidmatan membekal makanan bermasak ke asrama sekolah MMTB dan MMTHT bagi tempoh dua tahun dari 1 Januari 2020 hingga 31 Disember 2021 telah diluluskan oleh Lembaga Perolehan Negeri pada 29 September 2019. Semakan Audit mendapati kedua-dua kontrak tersebut telah dilanjutkan bagi tempoh satu tahun sehingga 31 Disember 2022. Bagaimanapun, **pelanjutan tempoh kontrak tersebut tidak dirujuk dan diluluskan oleh Lembaga Perolehan Negeri sebaliknya diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri pada 14 Disember 2021.**

4.1.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati sehingga bulan April 2022, JHEAT telah membuat pembayaran sejumlah RM215,608 kepada pembekal dalam tempoh pelanjutan kontrak tersebut. Pembayaran **melibatkan sejumlah RM184,134 bagi bulan Januari hingga Mac 2022 di MMTB dan sejumlah RM31,474 bagi bulan Januari 2022 di MMTHT**. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMBAYARAN DIBUAT SEBELUM PELANJUTAN KONTRAK DILULUSKAN

BIL.	MADRASAH MODEN	ARAHAN PEMBAYARAN		BAYARAN BAGI BULAN	AMAUN (RM)
		NOMBOR	TARIKH		
1.	MMTB	22FZBB0400415	27.04.2022	Januari 2022	109,273
2.		22FZBB0400428	28.04.2022	Februari 2022	38,289
3.		22FZBB0400429	28.04.2022	Mac 2022	36,572
JUMLAH					184,134
4.	MMTHT	22FZBB0400121	03.03.2022	Januari 2022	31,474
JUMLAH					31,474
JUMLAH KESELURUHAN					215,608

Sumber: Arahan Pembayaran

4.1.4. Perkara ini berlaku disebabkan JHEAT tidak meneliti tatacara perolehan berkaitan yang memerlukan kelulusan daripada Lembaga Perolehan Negeri untuk pelanjutan tempoh kontrak. Oleh itu, pembayaran berjumlah RM215,608 kepada pembekal tidak teratur kerana dibuat sebelum pelanjutan kontrak diluluskan oleh Lembaga Perolehan Negeri.

Maklum Balas JHEAT pada 26 September 2022

Pihak Jabatan telah mengemukakan permohonan kelulusan pelanjutan tempoh kontrak kepada urus setia Lembaga Perolehan Negeri melalui surat bertarikh 14 September 2022. Permohonan ini dikemukakan berdasarkan pandangan Penasihat Undang-undang Negeri melalui surat bertarikh 12 September 2022 bahawa kelulusan pelanjutan tempoh kontrak hendaklah diperolehi dari Lembaga Perolehan Negeri.

Pernyataan Audit | **Pelanjutan tempoh kontrak yang tidak diluluskan oleh Lembaga Perolehan Negeri sebagaimana AP201.1(c) menyebabkan pembayaran tidak teratur berjumlah RM215,608.**

5. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bayaran perkhidmatan membekal makanan bermasak ke asrama sekolah tidak dilaksanakan dengan teratur. Pelanjutan tempoh kontrak yang tidak diluluskan oleh Lembaga Perolehan Negeri sebagaimana AP201.1(c) menyebabkan pembayaran tidak teratur berjumlah RM215,608.

6. SYOR AUDIT

JHEAT hendaklah memastikan peraturan berkaitan perolehan perkhidmatan membekal makanan bermasak ke asrama sekolah dipatuhi sepenuhnya bagi mengelak kelemahan yang sama berulang pada masa hadapan.